

DATE : 29 October 2014
PUBLICATION : Utusan Online
SECTION : Nasional
HEADLINE : Hab ekonomi Islam: Dubai bukan pesaing

Hab ekonomi Islam: Dubai bukan pesaing

29 Oktober 2014 8:28 AM

 Share 10  Tweet 0  Google + 0

DUBAI 28 Okt. – Kuala Lumpur tidak melihat Dubai yang sedang menggerakkan inisiatif untuk menjadi hab ekonomi Islam sebagai pesaing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sebaliknya, menurut beliau, Malaysia sentiasa berminat untuk bekerjasama rapat dengan Dubai dalam membangunkan ekonomi Islam yang skopnya sangat luas serta perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan.

“Banyak perkara perlu diteliti seperti sumber manusia, kepakaran, pematuhan syariah dan produk yang konsisten yang boleh diguna pakai di semua negara Islam,” katanya dalam sidang akhbar bersama Malaysia dan Dubai selepas perasmian Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) ke-10 di sini hari ini.

Pada sidang akhbar itu, Najib diberikan Anugerah Kepimpinan Islam Global 2014 yang disampaikan oleh Pengerusi Global Islamic Finance Award, Profesor Humayon Dar.

Sidang akhbar itu turut dihadiri Menteri Hal Ehwal Kabinet Emiriah Arab Bersatu (UAE), Mohammed Al Gergawi; Pengerusi Yayasan WIEF, Tun Musa Hitam dan Pengerusi Dewan Perdagangan dan Perniagaan Dubai, Abdulrahman Saif Al Ghurair.
– UTUSAN

--- Najib ditanya tentang persaingan yang mungkin timbul berikutan Malaysia juga sedang berkembang sebagai pusat kewangan Islam.

Perdana Menteri menjelaskan, perkembangan kewangan Islam di Malaysia begitu pesat dengan pertumbuhan berkali ganda berbanding sistem kewangan konvensional.

Pada majlis itu juga, Najib menyaksikan pertukaran dokumen 12 memorandum persefahaman (MoU) melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta dalam pelbagai bidang.

Antara MoU itu ialah Lembaga Sekuriti dan Komoditi UAE dengan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) melibatkan kerjasama latihan tenaga kerja dalam pasaran modal, perkhidmatan kewangan dan pelaburan UAE.

MOU lain ialah antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal Sdn. Bhd. dengan syarikat Afrika Selatan yang akan bekerjasama membangunkan taman perindustrian untuk industri halal.

Empat pertukaran MoU lain melibatkan FATHIMA Group of Companies iaitu dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), MIFF Marketing Sdn. Bhd., Euro Circuit Sdn. Bhd. dan BioAlpha International Sdn. Bhd.

Maybank Asset Management Group Berhad pula bertukar MoU dengan Bosera Asset Management (International) Co. Ltd. bagi membangunkan ekuiti patuh syariah dengan fokus di negara ASEAN, China, Hong Kong, Macau dan Taiwan. – UTUSAN